

Nota Ringkas

Bab 1 Bentuk Piawai

1) **Angka bererti** merujuk kepada digit-digit yang relevan dalam sesuatu integer atau nombor perpuluhan yang dihipirakan kepada sesuatu nilai mengikut tahap ketepatan yang tertentu.

2) Peraturan membundarkan suatu nombor positif kepada bilangan angka bererti yang diberi:

a) Semua digit bukan sifar ialah angka bererti

Cth:

1.23 (3 angka bererti)

5899 (4 angka bererti)

b) Sifar yang berada di antara digit-digit bukan sifar ialah angka bererti.

Cth:

30.46 (4 angka bererti)

50.0009 (6 angka bererti)

c) Sifar yang berada selepas digit bukan sifar dalam suatu nombor perpuluhan ialah angka bererti.

Cth:

55.60 (4 angka bererti)

78.000 (5 angka bererti)

d) Sifar yang berada sebelum digit bukan sifar yang pertama dalam suatu nombor perpuluhan bukan angka bererti.

0.000079 (2 angka bererti)

0.008600 (4 angka bererti)

e) Sifar yang berada selepas digit bukan sifar dalam suatu nombor bulat bukan angka bererti kecuali apabila dinyatakan.

Cth:

5695 = 5700 (2 angka bererti)

Ketepatan kepada ratus yang terdekat.

5695 = 5700 (3 angka bererti)

Ketepatan kepada puluh yang terdekat.

3) **Bentuk piawai** ialah satu cara menulis nombor dalam bentuk $A \times 10^n$ dengan keadaan $1 \leq A < 10^n$ dan n ialah integer.